

## Kapak genggam Bukit Bunuh, Lenggong, Perak: Isu dan perdebatan teori Movius Line di Asia Tenggara

NORIDAYU BAKRY, JEFFREY ABDULLAH, MOKHTAR SAIDIN  
& SHYEH SAHIBUL KARAMAH BIN MASNAN

Pusat Penyelidikan Arkeologi Global  
Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang  
Alamat emel: noridayubakry@gmail.com; jeff@usm.my; mmokh@usm.my; shyehsahibul@usm.my

**Abstrak:** Pada tahun 2001, Tapak Arkeologi Bukit Bunuh, Lenggong, Perak telah mencatatkan penemuan alat kapak genggam yang memberikan impak besar bukan sahaja kepada data paleolitik di Lembah Lenggong, malah kepada data paleolitik Asia Tenggara. Hal ini kerana penemuan ini nyata bercanggah dengan teori “*Movius Line*” 1948 (Rajah 1) yang mencadangkan pembahagian kawasan yang mempunyai teknologi alat batu yang maju yakni menghasilkan alat kapak genggam dan kawasan yang sebaliknya. Movius merumuskan bahawa Kawasan Asia Timur dan Asia Tenggara tidak menghasilkan alat kapak genggam tetapi hanya dicirikan oleh alat penetak dan repehan sahaja (sebelum ini dikenali sebagai alat tetak-menetak). Malah Alat litik yang dihasilkan di kedua-dua kawasan ini dicirikan sebagai “membosankan dan tidak imiginatif”.

Kedudukan garis movius yang dicadangkan adalah bermula dari tenggara ke barat laut dari Teluk Bengal Barat Delta Ganges-Brahmaputra ke hujung Utara Himalaya. Oleh hal tersebut, Kawasan yang menghasilkan alat kapak genggam adalah terdiri daripada sebahagian besar kawasan di benua Eropah dan Afrika. Di Benua Asia pula hanya melibatkan kawasan yang kecil iaitu meliputi kawasan Asia Barat dan Asia Selatan.

Walau bagaimanapun, seiring dengan perkembangan kajian litik serta penemuan-penemuan baru di Asia Tenggara dan Asia Timur, terdapat pengkaji bersetuju


bahawa kedua-dua kawasan ini turut menghasilkan alat kapak genggam. Namun terdapat juga pengkaji yang menyangkal dakwaan ini dengan mengemukakan pelbagai faktor termasuk morfologi kapak genggam yang ditemui di Kawasan ini. Oleh hal sedemikian penemuan kapak genggam di Asia Tenggara telah menjadi isu dan perdebatan penting samada alat kapak genggam yang ditemui di rantau ini adalah sama atau tidak dengan kapak genggam di kawasan-kawasan lain dunia.

### Penghargaan

Ribuan terima kasih diucapkan kepada Naib Canselor Datuk Prof. Dr. Asma Ismail. Penyelidikan ini juga tidak akan dapat dilakukan tanpa adanya dana daripada geran Projek Teknologi Litik di Zaman Paleolitik di Malaysia (1001/PARKEO/870013), geran Penyelidikan Arkeologi Malaysia Dan Global (1001/PARKEO/270015) geran Kajian Arkeologi Utara Sabah: Eksplorasi Bukti Manusia Awal (203/PARKEO/6730139) serta geran Kajian Bukti Laluan Moigrasi Zaman Paleolitik di Timur Sabah, Sabah (1001/PARKEO/8016020). Ucapan terima kasih juga diucapkan rakan-rakan seperjuangan dan warga staf Pusat Penyelidikan Arkeologi Global USM atas segala jasa, tunjuk ajar dan tenaga yang dicurahkan sepanjang kajian dilakukan.

### Rujukan

- Bartstra, G. J., 1976. Contributions to the study of the Palaeolithic Patjitan culture Java, Indonesia, 6. Brill Archive.
- Brumm, A. & Moore, M. W., 2012. Biface distributions and the Movius Line: A Southeast Asian perspective. *Australian Archaeology*, 74, 32-46.
- Lycett, S. J. & Bae, C. J., 2010. The Movius Line Controversy: The State of the Debate. *World Archaeology*, 42(4), 521-544.
- Mokhtar Saidin, 2004. Bukit Bunuh, Lenggong, Perak, Malaysia: A New Evidence of Late Pleistocene. Culture in Malaysia, Paper presented at the 10<sup>th</sup> European Association of Southeast Asia Archaeologist Seminar, London, 14-17 September 2004.
- Mokhtar Saidin, 2006. Bukit Bunuh, Lenggong, Perak: Sumbangannya Kepada Arkeologi dan Geologi Negara. *Jurnal Arkeologi Malaysia*, 19, 1-14.
- Movius, H.L., 1948. The Lower Palaeolithic cultures of southern and eastern Asia. *Transactions of the American Philosophical Society*, 38(4), 329-420.



Rajah 1: Garis Movius Line (Selepas Lycett & Bae, 2010).